



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	9/3/2011

## Ku Li mungkin capai impian jika bersabar

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata hasrat Tengku Razaleigh Hamzah untuk menjadi Perdana Menteri mungkin terlaksana jika kerabat diraja Kelantan itu bersabar.

Bekas Perdana Menteri dalam memoirnya yang dilancarkan semalam juga mendakwa serpihan Team B yang diketuai Tengku Razaleigh untuk menjatuhkan beliau sebagai presiden UMNO dengan berganding dengan Tun Musa Hitam yang ketika itu Timbalan Presiden, menyebabkan UMNO dihamkan oleh Mahkamah Tinggi.

"Jika Tengku Razaleigh lebih bersabar, beliau mungkin mengambil tempat Tun Musa sebagai Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya menjadi Perdana Menteri," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga terpaksa menukar fikirannya untuk melantik Tengku Razaleigh dalam kabinetnya selepas Tengku Razaleigh melontarkan komen kritikal terhadapnya menerusi temubual dengan majalah *Far Eastern Economic Review*.